

24/06/1997

Kerenggangan punca operasi PKINK lemah

KOTA BHARU, Isnin - Kerenggangan hubungan di antara pegawai atasan dan kakitangan bawahan menjadi punca menyebabkan wujudnya kelemahan dalam operasi sesetengah anak syarikat di bawah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman, berkata keadaan itu juga menjadi salah satu faktor menyebabkan sesetengah anak syarikat terpaksa menutup operasi akibat menanggung kerugian.

"Ini yang kerap menimbulkan masalah kepada anak syarikat PKINK sehingga mereka terpaksa melantik audit dalaman untuk mengendalikan kewangan syarikat itu," katanya pada Seminar Kod Etika Pengarah-Pengarah: Ketulusan dan Ketelusan Perkhidmatan, di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Seminar sehari yang disertai kira-kira 100 peserta itu dianjurkan bersama PKINK, Pejabat Pendaftaran Syarikat Malaysia (ROC) dan PKB Management Services Sdn Bhd (PMS).

Hadir sama ialah Timbalan Pengarah Eksekutif PKINK, Wan Yahya Wan Salleh dan Ketua Pejabat Pendaftar Syarikat cawangan Kelantan, Wan Abdul Rahim Wan Daud.

Abdul Halim mahu konsep `ubudiyah' (pengabdian diri kepada Allah) dalam pentadbiran sesebuah syarikat diterapkan bagi memastikan kejayaan sesebuah syarikat dan organisasi.

Pucuk pimpinan syarikat tidak harus menjadikan diri mereka sebagai pemimpin yang harus disegani atau ditakuti oleh kakitangan di peringkat bawahan.

Mengenai hubungan Kerajaan Pusat dan negeri, Abdul Halim berkata, ia bertambah erat selepas lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke negeri ini, April lalu.

Menurutnya, keadaan itu membuktikan perbezaan politik tidak seharusnya menjadi faktor penghalang bagi Kerajaan Pusat melaksanakan projek pembangunan di negeri ini.

"Insyallah, ia suatu perkembangan baik yang akan memberi faedah kepada rakyat negeri ini," katanya.

(END)